

28 SEP 1999

Mahathir-Timor

ISU TIMOR TIMUR TIDAK DIKENDALIKAN DENGAN BETUL, KATA MAHATHIR

Oleh: Amin Husaini Harun

NEW YORK, 27 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata isu Timor Timur tidak dikendalikan dengan betul oleh banyak pihak yang diketahui telah mendesak bagi pemisahan wilayah itu daripada Indonesia.

Katanya ramai yang tidak mahu penyatuan antara Timor Timur dengan Indonesia dan mereka sentiasa menghasut dan menggesa Timor Timur mendapatkan kemerdekaan.

Mereka telah menggunakan masalah ekonomi yang dihadapi Indonesia untuk menekan negara itu supaya mengadakan satu pungutan suara mengenai Timor Timur, katanya dalam satu wawancara dengan Public Broadcasting System yang disiarkan di sini pada Isnin.

"Saya rasa masanya tidak tepat untuk mengadakan satu pungutan suara," katanya. Beliau berkata selepas hampir 25 tahun, Timor Timur tidak banyak bersungut kerana Indonesia telah mencurahkan banyak wang ke wilayah itu.

"Pembangunan Timor Timur semasa Indonesia memerintah adalah lebih pesat daripada semasa penjajahan Portugis menyebabkan ramai penduduk Timor Timur menerima kerajaan Indonesia," kata Dr Mahathir.

Ditanya kenapa majoriti besar rakyat Timor Timur memilih untuk merdeka, Perdana Menteri berkata seperti mana-mana pilihan raya, kempen oleh pelbagai sektor anti-Indonesia menggesa rakyat unruk menolak Indonesia.

Katanya orang asing telah memberitahu penduduk Timor Timur: "Jika kamu merdeka, kami akan membantu kamu, kami akan memberikan kamu perlindungan, kami akan memberikan kamu wang. Tentulah rakyat Timor Timur akan mengundi untuk merdeka."

Beliau berkata masyarakat antarabangsa sepatutnya membiarkan Indonesia menjayakan demokrasinya. Adalah tidak adil untuk mengenakan tekanan semasa seseorang itu menghadapi masalah. Indonesia tidak langsung berpeluang berkempen di kalangan rakyat Timor Timur.

"Jika kita memberikan Indonesia masa untuk menjayakan demokrasinya, sudah tentu penduduk Timor Timur boleh mendapat manfaat menjadi sebahagian daripada Indonesia," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

AHH RON